

**SOALAN NO.: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan serta usaha yang lebih meyakinkan bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah sekrap di bawah RM2 se kilo. Kesan ketara terutama penduduk di luar bandar umpanya rakyat dalam Parlimen Gerik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah sekerap ditentukan oleh harga pasaran getah SMR20 *Free On Board* (FOB) yang telah mengambil kira kos pengeluaran, komisyen pembeli dan kadar kandungan getah kering (*Dry Rubber Content- DRC*). Sejak awal tahun 2014, harga pasaran SMR telah mengalami penurunan harga akibat dari kedudukan stok yang tinggi di pasaran dunia disebabkan penawaran melebihi permintaan. Keadaan ini turut menyebabkan harga getah sekerap mencecah kepada paras yang rendah.

Sehubungan dengan itu, pada bulan Mei yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM130 juta di bawah Skim Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah. Ini adalah sebagai langkah segera untuk membantu pekebun kecil termasuk penoreh getah menghadapi kesan kejatuhan harga getah pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a)kedudukan Pusat Kesihatan Felda Bersia , Gerik; dan
- (b)bolehkah dibina pada tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek membina dan menyiapkan Klinik Kesihatan Felda Bersia, Gerik telah dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan di bawah *Rolling Plan* ke-4 (RP4) bagi pembangunan tahun 2015.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Memandangkan projek ini masih dalam pertimbangan UPE yang dicadangkan bagi pembangunan tahun 2015, maka projek ini hanya dapat dimulakan pada tahun 2015 sekiranya diluluskan peruntukan oleh UPE.